

**NO. SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2016**

**RUJUKAN : 9303**

**SOALAN:**

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing yang telah memohon masuk ke negara ini dan jumlah permintaan daripada pasaran tempatan, jumlah permohonan yang diluluskan, ditolak dan masih dalam proses.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Mengikut dasar semasa Kerajaan, pekerja asing tidak dibenarkan mengambil inisiatif sendiri memohon untuk bekerja di Malaysia. Hanya majikan yang hakiki sahaja layak untuk mengemukakan permohonan untuk menggajikan pekerja asing setelah memenuhi syarat yang ditetapkan.**

**Kerajaan pada 19 Februari 2016 telah memutuskan untuk menangguhkan semua permohonan pengambilan pekerja asing baharu sehingga Kerajaan berpuas hati dengan keperluan sebenar oleh pihak industri.**